

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS	:	KURIKULUM DAN PENGAJARAN SEKOLAH RENDAH
KOD KURSUS	:	BBD 18003
PROGRAM	:	2 BBR
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2013/JANUARI 2014
MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	A) JAWAB SEMUA SOALAN B) HANTAR KERTAS JAWAPAN BERSAMA KERTAS SOALAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG DUA BELAS(12) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1 Sistem pendidikan negara digubal telah berkembang dan melalui beberapa tahap. Apakah matlamat sistem pendidikan yang digubal pada tahap kedua?
- A Melahirkan pekerja mahir
 - B Menguatkuasakan Akta Pendidikan
 - C Melaksanakan Dasar Ekonomi Baru
 - D Memupuk perpaduan sosial, kebudayaan dan politik
- S2 Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) adalah merupakan salah satu bahagian dalam Kementerian Pelajaran Malaysia. Di bawah sektor manakah bahagian ini berfungsi?
- A Sektor Operasi Pendidikan
 - B Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan
 - C Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan
 - D Sektor Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- S3 Pernyataan berikut berkaitan dengan kelemahan-kelemahan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) kecuali
- A Isi kandungan sukatan pelajaran berulang-ulang
 - B Buku teks digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran
 - C Sukatan pelajaran mengandungi butiran yang terlalu banyak
 - D Pendidikan rendah memberi penekanan kepada membaca, menulis dan mengira
- S4 Pilih pernyataan yang menunjukkan aspek yang diberi penekanan utama dalam pembentukan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)
- A Menjalinkan konteks mesra dengan persekitaran.
 - B Meningkatkan tahap literasi dan kognitif kanak-kanak.
 - C Memberi peluang yang sama kepada semua kanak-kanak.
 - D Pemupukan budaya sains dan teknologi dalam kalangan kanak-kanak.

- S5 Dalam pelaksanaan kurikulum di sekolah, ungkapan bersatu, bersama, bercantum dan tidak terpisah merujuk kepada
- A Integrasi
 - B Penyerapan
 - C Kesepaduan
 - D Penggabungjalinan
- S6 Kesepaduan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) mengandungi unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai. Antara berikut aspek manakah yang tidak termasuk dalam kesepaduan unsur-unsur tersebut.
- A Emosi
 - B Intelek
 - C Rohani
 - D Komunikasi
- S7 Salah satu bidang dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) terdapat juga dalam tunjang Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), iaitu
- A Komunikasi
 - B Kemanusiaan
 - C Ketramplilan diri
 - D Sains dan teknologi
- S8 Elemen manakah dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mirip kepada elemen kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR).
- A Keusahawanan
 - B Fizikal dan estetika
 - C Kreativiti dan inovasi
 - D Teknologi maklumat dan komunikasi
- S9 Pernyataan manakah yang menerangkan maksud penggabung jalinan?
- A Menggabungkan pelbagai kemahiran dalam satu mata pelajaran.
 - B Menggunakan pendekatan induktif dan deduktif dalam pengajaran.
 - C Mengaitkan pengetahuan sedia ada murid dengan pengetahuan yang baru.
 - D Mempelbagaikan kaedah, teknik dan strategi dalam proses pengajaran dan pembelajaran

- S10 Guru yang baik ialah guru yang sentiasa mempelbagaikan pendekatan, kaedah, teknik dan strategi dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Pilih pernyataan yang menunjukkan kepelbagaian tersebut.
- A Cikgu Ali melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
B Cikgu Bidin menerapkan nilai-nilai murni dan kerjasama semasa melatih pasukan bola baling.
C Cikgu Chan mengajar kemahiran mengira dalam operasi dharab dan bahagi dengan menggunakan komputer.
D Cikgu Chan membawa murid-muridnya melawat ke Putrajaya selepas Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).
- S11 Terdapat enam tunjang dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Antara berikut, manakah yang bukan tunjang dalam KSPK?
- A Sains dan Teknologi
B Kerohanian, Sikap dan Nilai
C Perkembangan Fizikal dan Estetika
D Keterampilan Peribadi, Sosial dan Komunikasi
- S12 Guru memainkan pelbagai peranan dalam pelaksanaan kurikulum di bilik darjah. Antara berikut, pernyataan manakah yang menerangkan peranan guru dalam perancangan pengajaran?
- A Menganalisis kurikulum
B Menganalisis keputusan penilaian
C Menilai kandungan mata pelajaran yang akan diajar
D Menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran
- S13 Pembentukan konsep, penginterpretasian data, pengaplikasian prinsip-prinsip dan penginterpretasian sikap serta nilai merupakan strategi pengajaran yang menitiberatkan penyusunan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran.
- Penyataan di atas merujuk kepada model perkembangan konsep oleh
- A Taba
B Tyler
C Stenhouse
D Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK)

- S14 Dalam sesuatu waktu pelajaran, pelbagai aspek perlu diberi pertimbangan oleh guru sebelum melaksanakan proses pengajaran di dalam kelas. Antara berikut, aspek manakah yang tidak termasuk dalam pertimbangan tersebut?
- A Isi pelajaran
 - B Peruntukan masa
 - C Soalan peperiksaan
 - D Strategi pengajaran dan pembelajaran
- S15 Cikgu Suhaila memulakan pengajarannya dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai berdasarkan sesuatu prinsip. Daripada contoh-contoh yang diberi, beliau meminta murid-murid membuat kesimpulan yang menyeluruh tentang konsep yang diajar. Kemudian beliau menyoal dan membimbing murid-murid untuk memperkuatkkan konsep tersebut.
Berdasarkan pernyataan di atas, Cikgu Suhaila telah menggunakan pendekatan
- A tematik
 - B induktif
 - C deduktif
 - D eklektik
- S16 Kurikulum Transformasi Sekolah Rendah bakal melahirkan pelajar berfikiran kritis, kreatif dan inovasi melalui usaha berikut kecuali,
- A Aplikasi sains dan teknologi
 - B Semakkan skim perjawatan guru
 - C Penyeburan aspek kerohanian, sikap dan nilai
 - D Perkembangan fizikal dan estetika
- S17 Kesemua yang di bawah adalah aspek tambahan dalam Kurikulum Transformasi Sekolah Rendah kecuali,
- A Kreativiti dan Inovasi
 - B Keusahawanan
 - C 1 Murid 1 Sukan
 - D Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- S18 'Satu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan'. Pernyataan ini merujuk kepada,
- A Standard Pembelajaran
 - B Standard Kandungan
 - C Standard Pentaksiran
 - D Standard Kurikulum
- S19 Apakah yang maksud 'NILAM' yang dilaksanakan melalui program NILAM?
- A Namun Ingin Lagi Aku Membaca
 - B Nadi Ilmu Amalan Membaca
 - C Nilai Ilmu Langsung Aktiviti Membaca
 - D Sejenis batu berharga
- S20 Komponen yang terdapat dalam Program NILAM ialah,
- A Membaca dan merekod bahan bacaan
 - B Mengesahkan rekod dan mengumpul data
 - C Memberi pengiktirafan dan ganjaran
 - D Mencari pembekal buku-buku NILAM
- S21 Tujuannya, untuk mengawal murid apabila guru tidak hadir.
Mengandungi maklumat mengenai kelas, mata pelajaran, masa dan nama guru.
Dilulus dan ditandatangani oleh Guru Besar.
Dipamer pada papan kenyataan di bilik guru.
Rekod disimpan oleh Guru Penolong Kanan.

Keterangan di atas merujuk kepada,

- A Jadual Waktu Bilik Khas
- B Jadual Waktu Ganti
- C Jadual Waktu Cantuman
- D Jadual Waktu Anjal

- S22 Kesemua yang berikut merupakan peranan sesebuah panitia matapelajaran, kecuali
- A Memperolehi sukatan pelajaran yang terbaru untuk kegunaan ahlinya
 - B Menyelaras ujian dan peperiksaan dan menubuhkan bank soalan
 - C Membuat takwim sepanjang tahun untuk Panitia
 - D Menjual buku kerja sebagai latihan pengukuhan
- S23 Penubuhannya terkandung dalam Bab 9 Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), yang telah dilancarkan pada 16 Januari 2006. Pewujudannya juga adalah berdasarkan pendekatan kedua PIPP, iaitu untuk mengembangkan sepenuhnya potensi yang dinyatakan dalam Teras Strategik Ke-6 iaitu, melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

Pernyataan di atas merujuk kepada,

- A Sekolah Kluster
- B Sekolah Bestari
- C Sekolah Wawasan
- D Sekolah Prestasi Tinggi

Soalan S24-S30 berdasarkan jawapan berikut

- A Dasar MBMMBI
- B KSSR
- C Transformasi Pendidikan Vokasional
- D Pentaksiran Berasaskan Sekolah

- S24 Guru perlu membuat tindakan susul yang berterusan seperti menjalankan pemulihian untuk memastikan murid akhirnya mencapai tahap yang ditetapkan.
- S25 Penyelaras dalaman terdiri daripada Ketua Panitia/ Ketua Bidang / Guru Cemerlang mata pelajaran dan Penyelaras luaran terdiri daripada pegawai yang dilantik oleh Lembaga Peperiksaan, JPN dan PPD.
- S26 Dasar PPSMI menetapkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran dan pembelajaran (pnp) sains dan matematik di sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Tamil dan sekolah menengah. Dasar MBMMBI menetapkan penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pnp sains dan matematik di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah, bahasa Cina di sekolah jenis kebangsaan Cina dan bahasa Tamil di sekolah jenis kebangsaan Tamil.

- S27 English Language Teaching Centre (ELTC) telah menyediakan bahan bagi meningkatkan profesionalisme serta memperkuuh penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru.
- S28 Sijil Kemahiran Kolej Vokasional diiktiraf oleh MQA dan JPA.
- S29 Dilaksanakan mulai Tahun 1 pada 2011 dan penambahbaikan UPSR pada 2016. Pelaksanaannya di Tingkatan 1 ialah pada 2012.
- S30 Modul Teras Tema diperkenalkan untuk mengurangkan bilangan mata pelajaran di tahap satu. Modul Teras Tema mengandungi tema Dunia Kesenian (DK) dan tema Dunia Sains dan Teknologi (DST). Dalam tema DK, terdapat dua mata pelajaran, iaitu Seni Visual dan Muzik. Tema DST mengandungi elemen mata pelajaran Sains, Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Reka Bentuk dan Teknologi.
- S31 Manakah antara berikut faktor yang menentukan rekabentuk kurikulum pendidikan sesebuah negara?
- I. Sejarah
 - II. Kabinet
 - III. Sosio budaya
 - IV. Kemajuan ekonomi
 - V. Perkembangan teknologi
- A I, II, III dan IV
 - B I, II, III dan V
 - C I, III, IV dan V
 - D II, III, IV dan V

S32 Terdapat tiga modul Tahap 1 dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Komponen mata pelajaran manakah yang diajar dalam Modul Teras Asas.

- I. Bahasa Arab
 - II. Bahasa Inggeris
 - III. Pendidikan Moral
 - IV. Pendidikan Islam
 - V. Pendidikan Kesihatan
- A I, II, III dan IV
 - B I, III, IV dan V
 - C II, III, IV dan V
 - D I, II, III, IV dan V

S33 ‘Rakyat Malaysia yang berketrampilan’ merupakan salah satu unsur dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pilih ciri-ciri yang terangkum dalam unsur tersebut

- I. Mempunyai ilmu pengetahuan dan kelayakan yang sesuai dengan tugas yang diberikan.
 - II. Melaksanakan tugas mengikut peraturan tanpa apa-apa pengubahsuaian.
 - III. Berkemahiran tinggi dalam tugas yang dipertanggungjawabkan.
 - IV. Mengamalkan akhlak yang mulia.
 - V. Berkeupayaan melaksanakan tugas dengan cekap dan sempurna.
- A I, II dan IV
 - B I, III dan V
 - C II, III dan IV
 - D II, IV dan V

BAHAGIAN B

S34 Apakah definisi pentaksiran yang dicadangkan oleh Mc Millan (1997) ?
 (4 markah)

S35 Lengkapkan ruang kosong dalam jadual di bawah bagi mengambarkan anjakan kepada pentaksiran bestari
 (5 markah)

<u>Pentaksiran Asal</u>	<u>Pentaksiran Bestari</u>
Berfokus pencapaian
Berasaskan Subjek
.....	Rujukan Kriteria
.....	Berpusatkan pelajar
Berpusat	Pelbagai Bentuk
Terminal	Berterusan
Tertumpu Ujian

S36 Sekolah Berasrama Penuh, Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, dan Sekolah Menengah Harian, adalah katogeri sekolah kluster peringkat menengah. Senaraikan empat (4) lain-lain jenis sekolah yang termasuk dalam katogeri ini.
 (4 markah)

S37 Apakah elemen merentas kurikulum tambahan yang diwujudkan dalam KSSR?
 (3 markah)

S38 Kerohanian, sikap dan nilai adalah salah satu tongak penting yang disepadukan bagi melahirkan insan seimbang melalui KSSR. Apakah lima (5) lagi tongak penting yang disepaduan dalam KSSR?

(5 markah)

S39 Apakah yang dimaksudkan dengan 4M dalam Transformasi Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan?

(4 markah)

S40 Senaraikan ciri penting dalam Kurikulum Transformasi Tahap 1 Sekolah Rendah

(5 markah)

S41 Apakah enam tunjang Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan

(6 markah)

S42 Apakah yang dimaksudkan dengan Modul Bertema dalam Transformasi Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan?

(5 markah)

S43 Dalam KSSR, apakah kriteria yang digunakan untuk mengukur kreativiti pelajar?

(6 markah)

BAHAGIAN C

- S44 Untuk melaksanakan sesuatu kurikulum dengan jayanya, guru hendaklah terlebih dahulu memahami dan menghayati falsafah dan matlamat kurikulum, struktur dan organisasi kurikulum serta sukanan pelajarannya.

Huraikan peranan guru dalam pelaksanaan kurikulum di dalam bilik darjah.

(10 markah)

- S45 Mengapa KSSR perlu diperkenalkan? Adakah kurikulum yang sedia ada tidak cukup baik?

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT